



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	20/1/2020
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>

# 2 lelaki ditahan bawa 740 burung murai dalam bas

BH 20/1/2021 m/s 24

**Kuching:** Dua lelaki ditahan kerana memiliki 740 burung murai kampung tanpa permit, pagi semalam.

Kedua-dua suspek berusia 46 dan 52 tahun yang masing-masing berasal dari Mukah serta Samarahan itu menaiki bas dari Selangau ke Kuching membawa burung murai terbabit.

Jabatan Hutan Sarawak (SFC) dalam kenyataannya, berkata mereka ditahan sepasukan Batalion 11 Pasukan Gerakan Am (PGA) yang membuat pemeriksaan ke atas bas itu sempena Ops Khazannah di Jalan Kuching-Serian.

"Kedua-dua suspek ditahan dan disiasat mengikut Seksyen 37 (1) (c) Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998 yang jika sabit

kesalahan, boleh didenda maksimum RM10,000 serta penjara satu tahun.

"Semua burung terbabit disimpan dalam 37 sangkar yang dilekakkan dalam bas," katanya semalam.

Katanya, individu yang didapati memburu, membunuh, menangkap, menjual, mengimport, mengeksport atau memiliki secara haram haiwan terlindung akan dikenakan tindakan tegas.

"Orang ramai dinasihat menyahut maklumat berkaitan aktiviti haram membabitkan haiwan liar terkawal menerusi talian SFC hotlines Kuching (019-8859996), Sibn (019-8883561), Bintulu (019-8332737) dan Miri (019-8290994)," katanya.



Anggota PGA memeriksa sangkar burung murai pada Ops Khazannah di Jalan Kuching-Serian, semalam. (Foto Norsyazwani Nasir/BH)